

UUM ONLINE: Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah, Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM) menjadi bukti kesungguhan universiti ini dalam memartabatkan syiar Islam kepada warga kampus dan masyarakat Islam di negeri Kedah ini, secara keseluruhannya.

Titah baginda, dalam usaha memartabatkan syiar Islam, Pusat Islam perlu menjadi agen kepada pembangunan sahsiah, kepimpinan dan kemahiran insaniah secara holistik.

Baginda yang juga Canselor UUM bertitah, Pusat Islam perlu berbincang dan mencari idea bagi meningkatkan lagi mutu pentadbiran dan pengurusan yang telah dilaksanakan selama ini.

"Kita sewajarnya tidak mudah rasa berpuas hati dengan apa yang telah dimiliki sekarang ini, sebaliknya hendaklah sentiasa berusaha untuk mencapai yang lebih baik lagi.

"Untuk itu, empat nilai asas mesti diamalkan pelengkap untuk memastikan satu pengurusan organisasi yang lebih jelas, bersifat objektif dan mempunyai hala tuju dapat dicapai dengan jayanya.

"Beta ingin menyarankan empat nilai asas pelengkap tersebut iaitu membudayakan kreativiti dan inovasi, mengutamakan kepantasan bertindak dan membuat keputusan, mengelakkan pembaziran, penyelewengan dan gejala salah urus serta pemantapan nilai etika dan integriti yang perlu menjadi budaya pengurusan," titah Sultan Abdul Halim sewaktu berucap di Majlis Perasmian Kompleks Pusat Islam UUM dan Berbuka Puasa di Perkarangan Pusat Islam, di sini, petang tadi.

Sementara itu, baginda turut bertitah agar pengurusan Pusat Islam dapat membudayakan nilai-nilai pelengkap di atas di samping menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan institusi-institusi Islam lain di negeri ini untuk berkongsi maklumat dan pandangan serta merangka pelan tindakan yang bersesuaian bagi tujuan pembangunan Islam yang lebih efektif di UUM ini, khususnya dan di negeri Kedah secara menyeluruh.

"Beta yakin dan percaya dengan kepakaran yang dimiliki, Pusat Islam mampu menjadi sebuah pusat rujukan, penyelidikan, penerbitan dan latihan dalam hal ehwal Islam yang berpengaruh di kawasan utara ini," titah Tuanku Sultan.

Pada masa yang sama juga, baginda juga berkeyakinan bahawa Pusat Islam dengan segala keupayaan dan prasarana yang dimiliki mampu untuk mempersiapkan pelajar-pelajar yang mempunyai kualiti, mampu menghadapi cabaran dan persaingan, dinamik dan kreatif, berdisiplin serta beretika.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3012/3013/3649
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my